

10 JUN 2004

DR M LANCAR AUTOBIOGRAFI DATUK DR ALIJAH GORDON

KUALA LUMPUR, 10 Jun (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir

Mohamad hari ini melancarkan buku autobiografi mendiang Datuk Dr Alijah

Gordon yang semasa hayatnya telah banyak mengusahakan pelbagai program

tajaan bagi membantu kanak-kanak dan balu rakyat Palestin.

Bertajuk "On Becoming Alijah -- Part 1: From The American Revolutionary

War Through Burma, March 1957," buku berkulit tebal 406 muka surat itu

berharga RM140 senaskhah.

Ketika berucap, Dr Mahathir berkata beliau mengkagumi kecintaan dan

kasih sayang Dr Alijah terhadap penduduk Palestin.

Beliau berkata rakyat Malaysia patut mensyukuri kemerdekaan yang dikecapi oleh negara ini yang tidak dapat dinikmati oleh rakyat Palestin.

"Semua rakyat Malaysia, terutamanya orang Melayu, masih kurang bersyukur dengan kemerdekaan yang kita miliki. Jika berada dalam keadaan

seperti rakyat Palestin, pasti kita tidak akan meremehkan kemerdekaan yang

kita nikmati," katanya.

Dr Alijah meninggal dunia pada November tahun lepas akibat pneumonia

pada usia 74.

-- BERNAMA

KIA SLR TOM RHM